

Remaja memanfaatkan hobi tanaman hidroponik tambah rezeki



MUHAMMAD Benyamin, 13, menghasilkan produk tanaman hidroponik diberi nama sebagai Eduponix sejak PKP lalu. FOTO Ihsan Sarbi Mat Nah

Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Bermula dengan pendedahan mengenai tanaman hidroponik oleh bapanya, seorang remaja lelaki memilih bergiat aktif dalam bidang berkenaan dengan menghasilkan produk tanaman berkenaan untuk pembelajaran kanak-kanak.

Menurut Muhammad Benyamin Sabri, 13, dia mula melihat ayahnya, Sarbi Mat Nah, 43, menanam tanaman hidroponik sejak berusia lapan tahun namun tidak memahami secara mendalam ketika itu.

"Pada awalnya, saya sekadar membantu ayah saya sahaja. Apabila subjek Rekabentuk dan Teknologi (RBT) mula diajar di sekolah rendah, cikgu ada memuji kerana saya mempunyai pengalaman dan pengetahuan mengenai hidroponik.

"Ketika itu, cikgu banyak memberitahu mendedahkan kelebihan tanaman hidroponik ini. Sejak itu, saya menanam minat mendalam terhadap hidroponik kerana yakin minat ini amat unik pada kanak-kanak dan remaja.

"Alhamdulillah hari ini, saya sudah menghasilkan produk sendiri dinamakan Set Pembelajaran Hidroponik (Eduponix Start Up Kit) yang amat sesuai untuk kanak-kanak bagi mempelajari mengenai tanaman hidroponik," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Muhammad Benyamin berkata, sebelum bermulanya pandemik Covid-19, dia hanya membantu ayahnya ketika waktu terluang sahaja terutamanya pada cuti umum serta hujung minggu.

"Apabila bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ada banyak masa terluang dan saya mula mencari kelainan dalam inovasi penanaman hidroponik.

"Ayah saya amat menitikberatkan pendidikan dengan pada waktu pagi saya harus mengikuti pembelajaran disediakan oleh guru sekolah dan hanya akan berada di ladang Eduponix pada awal pagi untuk melihat tanaman kami dalam sekitar 10 hingga 20 minit sahaja.

"Pada sebelah petang, saya akan berada di sana (ladang) bermula jam 2 petang hingga 5 petang sahaja," katanya yang juga pelajar Tingkatan 1 di Sekolah Menengah Tun Perak, Padang Rengas, Perak.

Katanya, selain ayah dan ibunya, datuk saudaranya iaitu Datuk Salehuddin Saidin banyak memberi sokongan kepadanya supaya mengeluarkan produk untuk penanaman secara hidroponik.

"Ayah dan ibu amat memahami minat saya dan mendidik saya supaya mengimbangi segalanya secara saksama. Mereka akan menjadi pemerhati dan penasihat untuk saya.

"Saya juga amat berterima kasih kepada datuk saudara saya yang turut menghadihkan sebuah bengkel lengkap untuk saya melakukan pertukangan dan pengeluaran produk tanaman ini," katanya.

Sementara itu, Sarbi berkata, dia menganggap Muhammad Benyamin yang juga anak sulung daripada empat beradik sebagai edisi kedua bagi dirinya.

"Dia menjadikan apa sahaja minat saya sebagai minatnya. Minat saya dalam bidang hidroponik ini menurun kepada dia secara tidak langsung selepas saya memintanya membantu saya.

"Saya memberikan galakan 100 peratus kepadanya. Namun, pada masa sama, saya sentiasa mengingatkannya mengenai statusnya sebagai seorang pelajar sekolah memandangkan pendidikan adalah perkara paling saya titikberatkan," katanya.

Sarbi yang juga seorang guru pendidikan khas berkata, dirinya dan anaknya mula memasarkan produk berkenaan di platform e-dagang, Shopee serta media sosial Facebook dan Instagram dengan nama Eduponix sejak PKP lalu.

"Sebelum itu, kami menjual kepada kenalan dan saudara mara sahaja dengan harga serendah RM19 sehingga mencecah ribuan ringgit bergantung kepada saiz dan material.

"Saya sama seperti mana-mana ayah yang lain mengharapkan kejayaan anak-anak dalam apa jua bidang. Pada masa sama, saya juga perlu pastikan dia dapat mengimbangi antara persekolahannya dan juga minatnya," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Jumaat, 29 January 2021 @ 5:16 PM